Chow Hong Lit lwn Menteri Sumber Manusia, Malaysia & Satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — NOTIS USUL PEMULA NO R1-25-142 TAHUN 1996
ABDUL KADIR SULAIMAN H
1 APRIL 1998

Acara Sivil *— Perintah/writ prerogatif — Penyerahan dokumen — Tindakan memohon certiorari terhadap keputusan badan kerajaan — Kebenaran dari Peguam Negara untuk memohon perintah telah diperolehi — Penentang memberi jawapan kepada afidavit pemohon walaupun tidak disampaikan sesalinan afidavit tersebut — Sama ada pemohon wajib menyampaikan notis usul pemula serta pernyataan dan afidavit yang menyokong permohonan minta kebenaran kepada Peguam Negara selaku peguam kepada penentang — Sama ada kekurangan ini boleh diubati oleh A 53 k 2(5) — Sama ada prosiding perlu diketepikan — Sama ada permohonan mengenepikan prosiding atas kekurangan ini boleh dilakukan melalui bantahan awal — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53 kk 1(2), (3), 2(5) & 3(1) — Perlembagaan Persekutuan perkara 145(2)*

Pemohon telah melalui notis usul pemula memohon suatu perintah certiorari untuk mengenepikan atau membatalkan keputusan penentang pertama dan suatu perintah mandamus mengarahkan penentang pertama supaya merujuk representasinya kepada Mahkamah Perusahaan untuk satu award. Kebenaran untuk pemohon memohon perintah-perintah tersebut telah diberi, dan berikutan dengan itu, pemohon telah memfailkan notis usul pemula ini.

Peguam penentang pertama telah membangkitkan satu bantahan awal bahawa peruntukan-peruntukan di bawah A 53 k 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') telah tidak dipatuhi oleh pemohon. Melalui hujahnya, peguam penentang pertama memberitahu mahkamah bahawa pada 20 Julai 1997 penentang pertama telah disampaikan dengan notis usul pemula tetapi malangnya pernyataan dan afidavit yang menyokong permohonan minta kebenaran di bawah A 53 k 1 telah langsung tidak disampaikan kepada penentang pertama atau peguam yang mewakilinya sehingga ke hari ini. Oleh yang demikian, menurut peguam penentang pertama, kehendak A 53 k 3(1) KMT telah tidak dipatuhi dan notis usul pemula ini perlu ditolak dengan kos. Peguam pemohon menafikan kenyataan peguam penentang pertama dan menegaskan bahawa memang benar afidavit berkenaan tidak disampaikan bersekali dengan notis usul pemula tetapi telah lebih awal diserahkan iaitu pada 7 Januari 1997 bersama permohonan ex parte meminta kebenaran mahkamah untuk memohon perintah-perintah yang tersebut di dalam notis usul pemula yang telah ditujukan kepada Peguam Negara.

Peguam pemohon selanjutnya berhujah bahawa penentang pertama tidak sepatutnya membangkitkan bantahan sedemikian kerana tiada prejudis yang dialami oleh penentang pertama kerana ia kemudiannya telah memfailkan afidavit jawapan bagi menjawab afidavit pemohon. Sebaliknya, peguam pemohon menarik perhatian

mahkamah kepada A 53 k 2(5) KMT dan meminta supaya pendengaran notis usul pemula ini ditangguhkan dan meminta mahkamah mengeluarkan arahan agar salinan-salinan pernyataan dan afidavit berkenaan disampaikan oleh pemohon kepada penentang pertama. Akhirnya, peguam pemohon memohon agar notis usul pemula ini tidak ditolak kerana penentang pertama telah gagal membuat permohonan formal di bawah A 2 k 2 KMT untuk mengenepikan prosiding ini tetapi sebaliknya telah memperlakukannya melalui bantahan awal.

Diputuskan, membenarkan bantahan awal:

(1) Peguam pemohon nampaknya keliru tentang kedudukan Peguam Negara sebagai Peguam Negara di bawah A 53 k 1(3), dengan Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang kepada Kerajaan Malaysia di bawah perkara 145(2) Perlembagaan Persekutuan. Sebagai Peguam Negara di bawah A 53 k 1(3), ia perlu diberi notis oleh pemohon di atas tindakannya meminta kebenaran untuk memohon perintah certiorari dan mandamus, dan pada masa yang sama, pemohon dikehendaki menyerahsimpan salinan-salinan pernyataan dan afidavit-afidavit seperti yang dikehendaki oleh k 1(2) di Jabatan Peguam Negara. Bagi mencapai maksud inilah maka pemohon telah menyampaikan pernyataan dan afidavit berkenaan itu kepada Peguam Negara. Penyampaian sedemikian bukan merupakan penyampaian ke atasnya sebagai penasihat undang-undang atau sebagai peguam mewakili penentang pertama. Dengan itu, setelah kebenaran untuk memohon sesuatu perintah di bawah A 53 KMT telah diperolehi, maka pemohon wajib menyampaikan kepada penentang pertama — selaku seorang yang terlibat secara langsung di dalam prosiding ini — notis usul pemula di bawah k 2(1) dan dokumen-dokumen yang dihendaki di bawah k 3(1) melalui peguamnya dari Jabatan Peguam Negara. Maka nyatalah bahawa di dalam hal notis usul pemula ini, pemohon telah gagal menyampaikan salinan-salinan pernyataan dan afidavit yang menyokong permohonan meminta kebenaran di bawah k 1 seperti yang dihendaki oleh A 53 k 3(1) KMT kepada penentang pertama (lihat ms 69F–I dan 70A–B).

(2) Penentang pertama tidak boleh disalahkan kerana mengambil kesempatan memberi jawapan kepada afidavit pemohon itu walaupun ia ketahui bahawa ia telah tidak disampaikan dengan afidavit tersebut, kerana jika ia tidak berbuat sesuatu, ia menanggung risiko yang amat tinggi kerana ia tidak dapat menduga apa akan terjadi kepada bantahan awal yang akan dibangkitkan oleh peguamnya nanti. Andaikata, bantahan awal tersebut ditolak bermakna ia akan menghadapi pemohon tanpa apa-apa keterangan dari pihaknya. Bagi mengelakkan risiko sedemikian, maka ia perlu memfailkan afidavit jawapan (lihat ms 70I dan 71A–B).

(3) Peruntukan k 2(5) tidak berbangkit di sini kerana notis usul pemula telah pun disampaikan oleh pemohon kepada penentang pertama mengikut kehendak k 2. Apa yang belum disampaikan ialah dokumen-dokumen yang dikehendaki dilakukan mengikut kehendak k 3(1). Jika kuasa di bawah k 2(5) ini digunakan bermakna di dalam setiap kes kuasa sedemikian perlu digunakan bagi menyesuaikan mereka yang tidak ingin patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh KMT (lihat ms 71E–F).

(4) Untuk permohonan mengenepikan prosiding, selain daripada permohonan formal, ada ketikanya permohonan dapat dilakukan melalui bantahan awal di atas perkara undang-undang. Isunya di sini adalah sama ada pelakuan pemohon itu menjejaskan permohonannya melalui notis usul pemula yang boleh mengakibatkan notis tersebut ditolak in limine. Ini merupakan kes sedemikian (lihat ms 71G–H).

[English summary

By a notice of originating motion the applicant had applied for an order of certiorari to set aside or quash the first respondent's decision and an order of mandamus directing the first respondent to refer his representation to the Industrial Court for an award. Leave for the applicant to apply for the orders was granted, and subsequently, the applicant filed this notice of originating motion.

Counsel for the first respondent raised the preliminary objection that the provisions under O 53 r 3(1) of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC') were not complied with by the applicant. By his submission, counsel for the first respondent notified the court that on 20 July 1997 the first respondent had been served with a notice of originating motion but unfortunately the statement and affidavit in support of the application for leave under O 53 r 1 were not served at all on the first respondent or his counsel to date. Therefore, according to counsel for the first respondent, the requirements of O 53 r 3(1) of the RHC had not been complied with and this notice of originating motion should necessarily be dismissed with costs. The applicant's counsel denied the statement by counsel for the first respondent and averred that it was indeed true that the affidavit in question was not served together with the notice of originating motion but had been served earlier, ie on 7 January 1997 together with the ex parte application for leave of court to apply for the orders in the notice of originating motion addressed to the Attorney General.

The applicant's counsel further contended that the first respondent should not have raised such an objection because no prejudice had been suffered by the first respondent as it had subsequently filed an affidavit in reply in response to the applicant's affidavit. Instead, counsel for the applicant drew the court's attention to O 53 r 2(5) of the RHC and prayed that the hearing of this notice of originating motion be adjourned and that the court issue a direction that copies

of the statement and the affidavit in question be served by the applicant on the first respondent. Finally, the applicant's counsel prayed that this notice of originating motion would not be dismissed as the first respondent had failed to make a formal application under O 2 r 2 of the RHC to set aside this proceeding but had instead gone by way of a preliminary objection.

Held, allowing the preliminary objection:

(1) Counsel for the applicant appeared to be confused about the position of the Attorney General as Attorney General under O 53 r 1(3), with that of the Attorney General as the legal adviser to the Government of Malaysia under art 145(2) of the Federal Constitution. As the Attorney General under O 53 r 1(3), the applicant must give notice to the Attorney General on his action for leave to apply for the orders of certiorari and mandamus, and the applicant must at the same time lodge copies of the statement and affidavit in the Attorney General's Chambers as required by r 1(2). To achieve this purpose, the applicant had thus served the statement and affidavits in question on the Attorney General. Such service was not service on him as the legal adviser or as counsel representing the first respondent. Hence, after leave to apply for an order under O 53 of the RHC had been granted, the applicant was thus obliged to serve on the first respondent — as a person directly involved in this proceeding — notice of the originating motion under r 2(1) and the documents required under r 3(1) through counsel from the Attorney General's Chambers. Thus it was apparent that as regards this notice of originating motion, the applicant had failed to serve the copies of the statement and affidavit in support of the application for leave on the first respondent under r 1 as required by O 53 r 3(1) of the RHC (see pp 69F–I and 70A–B).

(2) The first respondent could not be blamed for taking the opportunity to reply to the applicant's affidavit although he was aware that the affidavit had not been served upon him, for if he did not act, he bore a great risk since it could not be anticipated what would happen to the preliminary objection raised by his counsel later. The dismissal of the preliminary objection would mean no evidence was forthcoming from his side. Therefore, in order to avoid such risk, he needed to file an affidavit in reply (see pp 70I and 71A–B).

(3) The provision of r 2(5) did not arise here because the notice of originating motion had already been served by the applicant on the first respondent in accordance with the requirements of r 2. What had yet to be served were the necesssary documents pursuant to the requirement of r 3(1). If the power under r 2(5) is invoked, it would mean in every case such power should necessarily be exercised to accommodate those who do not wish to comply with the regulations prescribed by the RHC (see p 71E–F).

(4) For an application to set aside the proceeding, apart from formal application, there are instances when the application can be effected by preliminary objection on points of law. The issue here was whether the applicant's conduct jeopardized his application by notice of originating motion which could result in the notice being dismissed in limine. This was one such case (see p 71G–H).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai perintah/writ prerogatif, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 2275–2848.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perhubungan Perusahaan 1967 s 20
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 2 k 2, A 53 kk 1, 1(3), 2, 2(4), (5), 3(1)
Perlembagaan Persekutuan perkara 145(2)

Supathira Nathan (*Shamini Manikam* bersamanya) (*Lobo & Associates*) bagi pihak pemohon.
Abu Bakar Jais (Peguam Kanan Persekutuan) bagi pihak penentang pertama.
A Ramadass (*Ramadass & Associates*) bagi pihak penentang kedua.

Cur Adv Vult

Abdul Kadir Sulaiman H: Isu di dalam prosiding ini mempunyai sedikit sebanyak persamaan dengan isu yang dibangkitkan di dalam prosiding Notis Usul Pemula No R1–25–160–96 yang menyentuh soal penyampaian salinan-salinan pernyataan dan afidavit-afidavit yang menyokong permohonan minta kebenaran di bawah A 53 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') dengan notis usul di bawah A 53 k 2 yang sama. Tetapi perbezaannya di dalam kes ini jika dibandingkan dengan kes No R1–25–160–96 akan dapat dilihat dari fakta dan hujah pihak-pihak bersabit dengannya nanti.

Dalam notis usul ini, pemohon memohon suatu perintah certiorari untuk mengenepikan atau membatalkan keputusan penentang pertama bertarikh 12 Oktober 1996 dan suatu perintah mandamus mengarahkan penentang pertama supaya merujuk representasinya yang dibuat di bawah s 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 kepada Mahkamah Perusahaan untuk satu award. Kebenaran untuk pemohon memohon perintah-perintah tersebut telah diberi pada 13 Mei 1997 yang lalu. Berikutan dengan kebenaran yang diberi itu, pada 16 Mei 1997 pemohon telah memfailkan notis usul pemula ini dan telah dijadualkan untuk pendengaran pada 18 November 1997. Pada 18 November 1997, pendengaran telah ditangguh kepada 25 Februari 1998 di atas permohonan peguam penentang kedua.

Sebelum itu, melalui surat bertarikh 14 November 1997, peguam penentang pertama telah memberi notis kepada peguam pemohon atas hasratnya untuk membangkitkan satu bantahan awal di hari pendengaran usul bahawa peruntukan-peruntukan di bawah A 53 kk 2(4) dan 3(1) KMT telah tidak dipatuhi oleh pemohon. Pada 25 Februari 1998, mahkamah diberitahu oleh peguam penentang pertama bahawa ia akan menggugurkan bantahan berhubung dengan k 2(4) tetapi akan hanya menumpukan kepada A 53 k 3(1) KMT.

Melalui hujahnya, peguam penentang pertama memberitahu mahkamah bahawa pada 20 Julai 1997 penentang pertama telah disampaikan dengan notis usul pemula pemohon ini, tetapi malangnya pernyataan dan afidavit yang menyokong permohonan minta kebenaran di bawah A 53 k 1 telah langsung tidak disampaikan kepada penentang pertama atau peguam yang mewakilinya hingga ke hari ini. Oleh yang demikian, kehendak A 53 k 3(1) KMT telah tidak dipatuhi dan dengan yang demikian peguam memohon bahawa di atas alasan tersebut notis usul pemula ini perlu ditolak dengan kos.

Bagi menjawab, peguam pemohon menafikan kenyataan peguam penentang pertama itu bahawa pernyataan dan afidavit berkenaan telah tidak diserah kepada penentang pertama. Sebaliknya, ia menegaskan bahawa memang benar afidavit berkenaan telah tidak disampaikan bersekali dengan notis usul pemula tetapi telah lebih awal diserahkan iaitu pada 7 Januari 1997 bersama dengan permohonan ex parte meminta kebenaran mahkamah untuk memohon perintah-perintah yang tersebut di dalam notis usul pemula ini. Ia merujuk kepada afidavit penyampaian berkenaan dengannya. Mengikut afidavit penyampaian yang berkenaan yang diikrarkan oleh Jagan a/l Ayappan, kerani yang bekerja dengan firma peguam pemohon pada 3 Mac 1997:

> Saya dengan secara sendiri pada 7 Januari 1997 lebih kurang pada 9.50 pagi telah hadir di pejabat Jabatan Peguam Negara, Tingkat 5, Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi, 50512 Kuala Lumpur untuk menyerahkan salinan dokumen-dokumen notis usul pemula ex parte yang bertarikh 19 November 1996, pernyataan menurut A 53 k 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang bertarikh 19 November 1996 dan afidavit oleh Chow Hong Lit yang diikrarkan pada 19 November 1996 dan pihak Jabatan Peguam Negara telah mengakui penerimaannya dengan mengesahkan di atas sesalinan dengan hari, tarikh dan masa penerimaannya. Sesalinan surat tersebut dilampirkan di sini dan ditandakan sebagai eks JA-1.

Kandungan eks JA-1 berbunyi:

> 2464/11/96 6 Januari 1997
>
> YB Peguam Negara
> Jabatan Peguam Negara
> Tingkat 5, 11-20
> Bangunan Bank Rakyat
> Jalan Tangsi
> 50512 Kuala Lumpur Serahan Tangan

A Tuan,

Per: Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur UP No R1–25–142–96
Chow Hong Lit lwn
1 YB Menteri Sumber Manusia
2 Fluid Systems Sdn Bhd

B Kami merujuk kepada perkara tersebut di atas.

Kami melampirkan bersama-sama ini dokumen-dokumen berikut sebagai serahan ke atas pihak tuan:

(a) sesalinan notis usul pemula ex parte yang bertarikh 19 November 1996;

C (b) sesalinan pernyataan menurut A 53 k 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang bertarikh 19 November 1996; dan

(c) sesalinan afidavit Chow Hong Lit yang diikrarkan pada 19 November 1996.

Sila ambil perhatian bahawa permohonan untuk kebenaran memohon
D certiorari akan didengarkan pada 13 Mei 1997 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Sila akui penerimaan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

E — tt —

Peguam penentang pertama menjawab bahawa apa yang telah dilakukan oleh pemohon ialah penyampaian dokumen-dokumen berkenaan kepada Peguam Negara tetapi penentang pertama sebagai orang yang terlibat telah tidak disampaikan dengan dokumen-dokumen berkenaan seperti
F yang dikehendaki oleh A 53 k 3(1) KMT.

Daripada hujah dan fakta yang didedahkan, adalah menampakkan kekeliruan peguam pemohon tentang kedudukan Peguam Negara sebagai Peguam Negara di bawah A 53 k 1(3) dengan Peguam Negara sebagai penasihat undang-undang kepada Kerajaan Malaysia di bawah
G perkara 145(2) Perlembagaan Malaysia. Sebagai Peguam Negara di bawah A 53 k 1(3), ia perlu diberi notis oleh pemohon di atas tindakannya meminta kebenaran untuk memohon perintah certiorari dan mandamus berkenaan dan mesti pada masa yang sama pemohon dikehendaki menyerahsimpan salinan-salinan pernyataan dan afidavit-afidavit seperti yang dikehendaki oleh k 1(2) itu di Jabatan Peguam Negara. Bagi mencapai
H maksud inilah, maka pemohon telah menyampaikan eks JA-1 itu kepada Peguam Negara. Penyampaian sedemikian bukan merupakan penyampaian ke atasnya sebagai penasihat undang-undang atau sebagai peguam mewakili penentang pertama. Mungkin secara kebetulan, pegawai undang-undang yang mewakili Peguam Negara di dalam sesuatu prosiding itu merupakan
I pegawai yang sama mewakilinya di atas sifatnya sebagai Peguam Negara bagi maksud k 1(3) dan di atas sifatnya sebagai penasihat undang-undang mewakili Kerajaan Malaysia atau anggotanya di bawah Perlembagaan Malaysia. Maka dengan yang demikian, setelah kebenaran untuk memohon

sesuatu perintah di bawah A 53 KMT telah diperolehi, maka berkewajipanlah ke atas pemohon untuk menyampaikan kepada penentang pertama selaku seorang yang terlibat secara langsung di dalam prosiding ini akan notis usul pemula di bawah k 2(1) dan dokumen-dokumen yang dikehendaki di bawah k 3(1) melalui peguamnya dari Jabatan Peguam Negara. Maka nyatalah bahawa di dalam hal notis usul pemula ini, pemohon telah gagal menyampaikan salinan-salinan pernyataan dan afidavit yang menyokong permohonan minta kebenaran di bawah k 1 seperti yang dikehendaki oleh A 53 k 3(1) KMT kepada penentang pertama. Sebagai lanjutan, perlu difahami bahawa kehendak k 1(3) perlu dipatuhi oleh semua pemohon berkaitan dengan perintah mandamus, larangan atau certiorari tanpa mengambil kira sama ada orang yang terlibat secara langsung itu merupakan kerajaan atau anggotanya atau pun tidak kerana remedi yang dipohon adalah merupakan remedi awam yang Peguam Negara telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbirnya dan melaksanakannya. Maka dengan yang demikian, setelah menerima notis di bawah k 1(3), jika didapatinya perlu di atas satu-satu sebab, Peguam Negara mempunyai hak di hadapan mahkamah untuk menyuarakan pandangannya terhadap sesuatu permohonan untuk remedi awam ini, umpamanya sesuatu permohonan untuk kebenaran itu dilakukan di luar jangkamasa yang ditetapkan di bawah KMT atau pun undang-undang yang lain bersangkutan dengannya.

Dengan yang demikian, prima facie notis usul pemula oleh pemohon ini perlu ditolak kerana ia dibuat tanpa terdapatnya pernyataan yang mengandungi alasan-alasan yang berdasarkannya relief-relief berkenaan dipinta dan yang terpentingnya keterangan yang menentusahkan fakta-fakta yang kepadanya permohonan itu disandarkan yang terdapat di dalam afidavit yang menyokong permohonan minta kebenaran dahulu itu. Tetapi peguam pemohon di sini cuba mempertahankannya dengan pertamanya menyatakan bahawa penentang pertama tidak dapat lagi membangkitkan isu berkenaan kerana sungguhpun dokumen-dokumen itu telah tidak disampaikan kepada penentang pertama, tiada prejudis yang dialami oleh penentang pertama kerana ia telah memfailkan afidavit jawapan yang diikrarnya pada 10 November 1997 (kand 10) bagi menjawab afidavit pemohon menyokong permohonannya meminta kebenaran untuk memohon perintah-perintah tersebut. Terhadap hujah ini dengan tangkas dijawab oleh peguam penentang pertama bahawa penentang pertama terpaksa menjawab apabila mendapat maklumat ini melalui peguam yang mewakili Peguam Negara mengikut A 53 k 1(3) KMT. Ia perlu dijawab kerana penentang pertama mengetahui bahawa pemohon boleh menggunakan isi afidavitnya yang digunakan bagi maksud memohon kebenaran dahulu itu. Saya dapat memahami apa yang dimaksudkan oleh peguam penentang pertama dengan kata-katanya itu kerana di dalam notis usul pemula oleh pemohon ini ada dinyatakan di kaki notis usul tersebut:

> AMBIL PERHATIAN bahawa alasan-alasan untuk memohon relief di atas adalah seperti yang dinyatakan di dalam pernyataan menurut A 53 dan afidavit pemohon yang difailkan bersama di dalam tindakan ini.

Pada pandangan saya, penentang pertama tidak boleh disalahkan kerana mengambil kesempatan memberi jawapan kepada afidavit pemohon itu

walaupun ia ketahui bahawa ia telah tidak disampaikan dengan afidavit tersebut, kerana jika ia tidak berbuat sesuatu ia menanggung risiko yang amat tinggi kerana ia tidak dapat menduga apa akan terjadi kepada bantahan awal yang akan dibangkitkan oleh peguamnya nanti. Andaikata, bantahan awal tersebut ditolak bermakna ia akan menghadapi pemohon tanpa apa-apa keterangan dari pihaknya. Bagi mengelakkan risiko sedemikian, maka ia perlu memfailkan afidavit jawapan. Faedah yang diperolehinya di sini ialah kerana ia diwakili oleh peguam dari Jabatan Peguam Negara yang lebih awal telah menerima notis berhubung dengan niat pemohon tersebut di bawah k 1(3).

Kemudian peguam pemohon menarik perhatian mahkamah kepada A 53 k 2(5) tersebut yang berbunyi:

> Jika semasa pendengaran usul atau saman itu Mahkamah atau Hakim berpendapat bahawa mana-mana orang yang sepatutnya telah disampaikan kepada mereka notis atau saman itu belum disampaikan, tidak kira sama ada dia ialah orang yang kepadanya sepatutnya disampaikan di bawah perenggan (3) atau tidak, Mahkamah atau Hakim boleh menangguhkan pendengaran itu atas apa-apa terma (jika ada) sebagaimana yang ia atau dia arahkan supaya notis atau saman itu boleh disampaikan kepada orang itu.

dan meminta supaya pendengaran notis usul pemula ini ditangguhkan dan meminta mahkamah mengeluarkan arahan agar salinan-salinan pernyataan dan afidavit berkenaan disampaikan oleh pemohon kepada penentang pertama. Pada pendapat saya, peruntukan k 2(5) tidak berbangkit di sini kerana notis usul pemula telah pun disampaikan oleh pemohon kepada penentang pertama mengikut kehendak k 2. Apa yang belum disampaikan ialah dokumen-dokumen yang dikehendaki dilakukan mengikut kehendak k 3(1). Jika kuasa di bawah k 2(5) ini digunakan bermakna di dalam setiap kes kuasa sedemikian perlu digunakan bagi menyesuaikan mereka yang tidak ingin patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh KMT.

Akhirnya, peguam pemohon memohon agar notis usul pemula ini tidak ditolak kerana penentang pertama telah gagal membuat permohonan formal di bawah A 2 k 2 KMT untuk mengenepikan prosiding ini tetapi sebaliknya telah memperlakukannya melalui bantahan awal. Hujahan sedemikian tidak dapat diterima kerana selain daripada permohonan yang formal, ada ketikanya permohonan boleh dilakukan melalui bantahan awal di atas perkara undang-undang. Isunya di sini sama ada perlakuan pemohon itu menjejaskan permohonannya melalui notis usul pemula yang boleh mengakibatkan notis tersebut ditolak in limine. Pada pandangan saya, ini merupakan kes yang sedemikian kerana notis usul pemula ini (kand 8) memohon perintah certiorari dan mandamus. Tiada terdapat di dalamnya perihal pemohon dan alasan-alasan yang berdasarkannya relief tersebut diminta yang butir-butirnya ada terkandung di dalam pernyataan yang tidak pun disampaikan kepada penentang pertama sehingga ini, dan juga tidak terdapat di dalamnya keterangan yang menentusahkan fakta-fakta yang kepadanya permohonan disandarkan yang butir-butirnya ada terkandung di dalam afidavit yang dimaksudkan yang juga sehingga kini belum disampaikan kepada penentang pertama sebagai seorang yang terlibat secara langsung di dalam permohonan pemohon ini.

Berdasarkan pendapat saya yang tersebut di atas itu, bantahan awal penentang pertama adalah dengan ini diterima dan permohonan pemohon melalui notis usul pemula ini adalah dengan ini ditolak tanpa kos. Alasan saya terhadap soal kos ini ialah kerana pada 18 November 1997 peguam penentang kedua telah memohon tangguh pendengaran notis usul pemula ini kerana ia baru dilantik oleh penentang kedua dan ia memerlu masa untuk memfailkan afidavit jawapan. Di atas alasan tersebut, mahkamah telah menangguhkan pendengaran kepada 25 Februari 1998. Pada 25 Februari 1998, peguam pemohon pula memohon tangguh kerana ia baru pada 24 Februari 1998 telah diserah oleh pihak penentang kedua akan afidavit jawapan dan ia perlu kepada arahan dari pemohon berkenaan dengan afidavit jawapan tersebut. Di atas kelewatan pemfailan yang dilakukan oleh penentang kedua akan afidavit jawapannya, peguam pemohon telah memohon kos sebanyak RM500 dan amaun ini telah disetujui oleh peguam penentang kedua. Selepas itu, pada ketika yang sama, isu bantahan awal oleh peguam penentang pertama berbangkit dan mahkamah telah mendengar hujah semua pihak terhadap isu tersebut dan hujahan berakhir pada hari tersebut. Walau bagaimanapun, mahkamah telah menangguhkan keputusannya terhadap bantahan awal tersebut kepada 1 April 1998 dan telah menetapkan tarikh yang sama untuk sebutan ke atas notis usul pemula tersebut. Oleh kerana prosiding terpaksa ditangguh oleh mahkamah, peguam penentang kedua merayu agar dikecualikan dari membayar kos sebanyak RM500 yang telah disetujuinya awal tadi itu. Peguam pemohon menyerahkan perkara tersebut kepada keputusan mahkamah. Di sini, peguam penentang pertama telah mencelah dengan berkata bahawa andaikata ia berjaya di dalam bantahan awalnya itu, ia tidak akan memohon kos dari pemohon sebagai balasan pemohon bersetuju melepaskan penentang kedua dari membayar kos sebanyak RM500 tersebut itu. Mahkamah pada hari itu memutuskan bahawa disebabkan penangguhan pendengaran adalah atas inisiatif mahkamah, maka soal pembayaran kos oleh penentang kedua kepada pemohon tidak patut berbangkit. Tambahan pula, terdapat akujanji peguam penentang pertama itu. Dengan yang demikian, mahkamah memutuskan bahawa tiada kos harus ditanggung oleh penentang kedua di atas kelewatannya memfailkan afidavit jawapan.

Bantahan awal diterima dan notis usul pemula oleh pemohon adalah dengan ini ditolak tanpa perintah kos.

Bantahan awal diterima dan notis usul pemula ditolak.

Dilaporkan oleh Eugene Lee